



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH
جَابَاتُنْ حَالِ الْهُوَالِ الْأَمَّارِ إِسْلَامِ نَجَارِي سَابَاهُ

KHUTBAH PERTAMA DAN KEDUA
HARI RAYA AIDILFITRI
01 SYAWAL 1443H/ 03 MEI 2022M

Tajuk

ERATKAN SILLATURRAHIM, PERKUKUH PERPADUAN SEMARAKKAN KESYUKURAN

Disediakan oleh Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Informasi
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

Disemak oleh: M .
MOHD ZARATKHAN ABD RAHMAN

Diluluskan oleh:

BAHARUDIN H.J. ALWI
Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Penyelidikan & Informasi
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

ERAT SILATURAHIM, PERKUKUH PERPADUAN SEMARAK KESYUKURAN

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،
اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،
اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.
اللَّهُ أَكْبَرُ كَبِيرًا وَالْحَمْدُ لِلَّهِ كَثِيرًا وَسُبْحَانَ اللَّهِ بُكْرَةً وَأَصِيلًا، لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ
صَدَقَ وَعْدُهُ، وَنَصَرَ عَبْدَهُ، وَأَعَزَّ جُنْدَهُ وَهَزَمَ الْأَحْزَابَ وَحْدَهُ. أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ
وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا وَنَبِيَّنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ
عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ خَاتِمِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ ، فَيَا
عِبَادَ اللَّهِ، إِتَّقُوا اللَّهَ، وَتَرَوَدُوا فَإِنَّ خَيْرَ الزَّادِ التَّقْوَى، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

SAUDARA MUSLIMIN JAMAAH AIDILFITRI RAHIMAKUMULLAH!

Bersempena dengan hari kita meraikan kemenangan menelusuri ibadah puasa dalam bulan Ramadan yang baharu berlalu pergi, marilah kita terus berazam untuk meningkatkan keimanan dan ketaqwaan kepada Allah SWT. Segala suruhan Allah SWT kita patuhi dan laksanakan dengan sempurna dan setiap larangan-Nya kita hindari agar sifat taqwa sentiasa mekar menerbitkan rasa kehambaan dan cinta mendalam terhadap Allah SWT yang menjadi paksi mengecap kemanisan iman.

Daripada Anas bin Malik, Rasulullah SAW bersabda:

Maksudnya: “Tiga perkara apabila berada pada diri seseorang, nescaya dia akan merasai kemanisan iman; iaitu Allah dan Rasul-Nya lebih dicintai dari yang lainnya; mengasihi dan mencintai saudaranya semuslim kerana Allah; dan benci untuk kembali kepada kekufuran setelah diselamatkan Allah daripadanya sepetimana dia benci untuk dicampakkan ke dalam api neraka yang menyala api di dalamnya.” [Sahih Bukhari (16)]

Mimbar yang mulia pada pagi lebaran ini akan membicarakan khutbah yang bertajuk: “**ERAT SILATURAHIM, PERKUKUH PERPADUAN SEMARAK KESYUKURAN**”.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

JAMAAH AIDILFITRI YANG BERBAHAGIA,

Suara takbir, tahlil, tahlid dan tasbih yang bergema sejak malam tadi hingga ke pagi 1 Syawal yang mulia ini samada di masjid, surau, rumah-rumah orang muslim dan juga di media-media elektronik merupakan puji-pujian terhadap Allah yang telah mengurniakan kepada kita segala macam nikmat yang tidak terhitung banyaknya. Salah satu nikmat amat bermakna yang Allah kurniakan kepada kita adalah kemenangan serta kejayaan dalam perjuangan mengekang hawa nafsu daripada melakukan perkara-perkara yang boleh merosakkan ibadah puasa sepanjang Ramadan yang lalu.

Apatah lagi kalau kita berhasil mengerjakan ibadah yang mulia itu dengan penuh keimanan dan niat yang ikhlas. Kerana, Allah SWT akan mengampunkan segala dosa yang telah lalu bagi setiap muslim yang melaksanakan ibadah puasa dengan sempurna yang didorong oleh keimanan dan mengharapkan redha Allah semata-mata. Keistimewaan ini dititipkan oleh Rasulullah SAW dalam hadisnya.

Daripada Abu Hurairah R.A yang bermaksud:

“Sesiapa yang berpuasa di bulan Ramadan dengan penuh keimanan dan mengharapkan rahmat Allah semata-mata, akan diampunkan oleh Allah dosadosanya yang telah lalu.” [Sahih Bukhari (38)]

Berdasarkan kepada mafhum sabda Rasulullah tersebut, adalah jelas bahawa Aidilfitri yang kita rayakan pada hari yang mulia ini merupakan hadiah khusus bagi sekalian umat Islam yang berpuasa di bulan Ramadan. Hari Raya Aidilfitri ini menandakan berakhirnya puasa Ramadan tahun ini sekali gus mengimbau umat Islam supaya bersyukur dan bergembira menyambut dan meraikan kehadiran hari yang penuh makna ini dengan bertakbir dan mendirikan solat sunat hari raya. Amalan ini kita lakukan sebagai menzahirkan rasa syukur dan kegembiran kerana telah kembali kepada fitrah dan suci bersih hasil daripada perlaksanaan ibadah puasa serta

segala amalan fardu dan sunat lain yang dianjurkan dengan penuh keimanan dan keikhlasan yang tengannya memungkinkan dosa-dosa kita yang telah lalu diampun oleh Allah SWT.

اَللّٰهُ اَكْبَرُ، اَللّٰهُ اَكْبَرُ، وَلِلّٰهِ الْحَمْدُ

JAMAAH AIDILFITRI YANG DIKASIHI,

Marilah kita bersama-sama merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana kita dapat menyambut dan meraikan Aidilfitri pada tahun ini dalam keadaan dan suasana yang lebih meriah dan bermakna berbanding dengan hari raya sebelumnya ketika masih dalam fasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Covid-19. Ini berikutan dengan penghijrahan kita ke Fasa Peralihan ke Endemik Covid-19. Walaupun masih ada beberapa prosedur operasi standard (SOP) yang perlu kita patuhi seperti pemakaian penutup separuh muka, namun Fasa Peralihan ke Endemik Covid-19 kali ini membolehkan kita mengadakan majlis rumah terbuka, aktiviti ziarah kubur di samping melakukan amalan ziarah menziarahi antara satu sama lain sepertimana lazimnya.

Keadaan dan suasana ini tentunya melegakan banyak pihak kerana ia memberi kesempatan kepada usaha memenuhi tuntutan agama yang menganjurkan kita memupuk dan mengeratkan lagi tali silaturahim sesama muslim. Ini kerana, kita kini boleh beraya secara bersemuka sekali gus membantu menjernihkan semula hubungan kekeluargaan yang mungkin sedikit terjejas gara-gara PKP Pandemik Covid-19 dua tahun berturut-turut lalu. Anjuran mengukuhkan silaturahim dan larangan memutuskan hubungan kekeluargaan ditegaskan oleh Rasulullah SAW dalam sabdanya yang bermaksud:

“Yang paling cepat dapat mendatangkan kebaikan adalah balasan (pahala) orang yang berbuat kebajikan dan menyambungkan tali silaturahim, sedangkan yang paling cepat mendatangkan kejahanan ialah balasan (siksaan) orang yang berbuat jahat dan memutuskan hubungan kekeluargaan.” [Sunan Ibnu Majah (4212)]

Oleh hal yang demikian saudara muslimin sekalian, marilah kita manfaatkan hari lebaran di bulan Syawal yang barakah ini untuk terus membudayakan amalan ziarah menziarahi dan bermaaf-maafan dengan saudara-mara, jiran tetangga dan

sahabat handai bagi mempererat tali silaturahim ke arah memperkuuh ukhuwah islamiah. Sesungguhnya orang yang memperkuuhkan hubungan silaturahim akan dikurniakan umur yang panjang dan rezeki yang makmur sebagaimana hadis Rasulullah yang bermaksud:

“Barangsiapa senang untuk dipanjangkan umurnya dan diluaskan rezekinya serta dihindarkan dari kematian yang buruk, maka hendaklah ia bertaqwa kepada Allah dan menyambung silaturahim.” (Hadis Riwayat at-Tabrani)

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ

JAMAAH AIDILFITRI SEKALIAN,

Masyarakat kita terdiri daripada pelbagai kaum, anutan kepercayaan dan budaya. Namun, majoritinya adalah umat Islam yang mencerminkan agama Islam merentasi sempadan ras, etnik dan wilayah. Ini merupakan suatu nikmat terbesar yang harus disyukuri oleh kita selaku warga yang beragama Islam di negeri ini dengan terus mentaati Allah dan Rasul-Nya di samping terus komited memelihara keamanan dan keharmonian hubungan antara kaum yang sedia terjalin.

Dalam kerangka ini, mari kita hayati dan realisasikan saranan Allah di dalam surah al-Anfal ayat 46:

وَأَطِيعُوا اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَلَا تَنْزَعُوا فَتَفْشِلُوا وَتَذَهَّبَ رِيحُكُمْ وَاصْبِرُوا إِنَّ اللَّهَ مَعَ

الصَّابِرِينَ ﴿٤٦﴾

Maksudnya: “Dan taatlah kamu kepada Allah dan Rasul-Nya, dan janganlah kamu berbantah-bantah; kalau tidak nescaya kamu menjadi lemah semangat dan hilang kekuatan kamu, dan sabarlah (menghadapi segala kesukaran dengan cekal hati); sesungguhnya Allah beserta orang yang sabar.”

Sehubungan dengan mafhum firman Allah tersebut, adalah diharapkan agar segala perbezaan fahaman dan pendapat mengenai pelbagai isu tidak harus dijadikan alasan untuk mengendurkan hubungan dan meretakkan perpaduan masyarakat. Segala tembok pemisah dan perbezaan yang ada harus dilihat sebagai kekuatan dalam menghormati kepelbagaian yang wujud dalam kerangka merai persamaan

yang menyempitkan jurang pemisah. Ingatlah bahawa semangat bersatu padu di kalangan umat Islam menjadi teras terpenting dalam memastikan perpaduan seluruh masyarakat berada pada tahap tertinggi dan lestari.

Kesatuan dan perpaduan akan membawa kepada kekuatan ummah. Apabila ummah kuat maka kita mampu memimpin bukan sahaja dalam kalangan masyarakat sendiri bahkan orang luar. Tetapi jika sebaliknya, perpecahan yang berlaku akan menjadikan umat Islam lemah sehingga memberi ruang kepada pihak-pihak tertentu memperkecilkan masyarakat Islam dalam segenap aspek kehidupan.

Justeru, perlu ditegaskan di perhimpunan kita ini bahawa perpecahan ummah adalah petaka bagi umat Islam. Maka, segala risiko yang membawa kepada perpecahan perlu ditangani sebaik-baiknya di semua peringkat, daripada peringkat individu sehingga kepada pemimpin masyarakat serta pihak berkuasa yang berkenaan. Tunjangnya adalah berpegang teguh dengan ajaran agama di samping menghindari apa jua perkara yang boleh membawa perpecahan sejajar dengan anjuran Allah SWT dalam firman-Nya di dalam surah al-'Imran ayat 103 :

وَاعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا

Maksudnya: “Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah (agama Islam), dan janganlah kamu bercerai-berai...”

الله أكْبَرُ، الله أكْبَرُ، الله أكْبَرُ

Sama ada kita berkesempatan sekali lagi ataupun tidak bersua dengan bulan Ramadan al-mubarak di tahun-tahun mendatang tiada siapa yang mengetahuinya kecuali Allah. Yang pasti, setiap dari kita amat mengharapkan dapat bertemu lagi dengan bulan Ramadan yang menawarkan banyak ganjaran dan keistimewaan itu supaya dapat terus menunaikan ibadah puasa sekali gus meningkatkan amal ibadat bagi menambah saham akhirat. Untuk itu, marilah kita terus berdoa ke hadrat Ilahi, memohon dikurniakan umur yang panjang dan barakah supaya berkesempatan bertemu lagi dengan Ramadan al-mubarak sekali gus berkesempatan melaksanakan amal-amal yang telah disyariatkan dengan lebih baik dan sempurna.

Firman Allah di dalam surah al-'Ankabut ayat 69 :

وَالَّذِينَ جَاهُوا فِينَا لَنَهْدِيَنَّهُمْ سُبْلَنَا وَإِنَّ اللَّهَ لَمَعَ الْمُحْسِنِينَ ﴿٦٩﴾

Maksudnya: “Dan orang yang berusaha dengan bersungguh-sungguh kerana memenuhi kehendak agama Kami, sesungguhnya Kami akan memimpin mereka ke jalan-jalan Kami (yang menjadikan mereka bergembira serta beroleh keredaan); dan sesungguhnya (pertolongan dan bantuan) Allah adalah berserta orang yang berusaha membaiki amalannya.”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُم بِالْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تَلَاوَتْهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ
الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَابِرِ الْمُسِلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA HARI RAYA AIDILFITRI
TAHUN 1443 H/2022 M

الله أَكْبَرُ ، الله أَكْبَرُ ، الله أَكْبَرُ ،

الله أَكْبَرُ ، الله أَكْبَرُ ، الله أَكْبَرُ ،

الله أَكْبَرُ ، وَلِللهِ الْحَمْدُ ،

الْحَمْدُ لِللهِ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَى وَدِينِ الْحَقِّ لِيُظْهِرُهُ عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ وَلَوْ كَرِهَ الْمُشْرِكُونَ.

أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى حَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا وَزُخْرِنَا وَقُدُوْتِنَا وَأَسْوَتِنَا مُحَمَّدٌ إِمامُ الْمُتَّقِينَ وَقَائِدُ الدُّعَاءِ

الْمُجَاهِدِينَ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ سَارَ عَلَى نَهْجِهِ وَجَاهَدَ بِحَمَادِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِنِّيْكُمْ وَنَفْسِيْ بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ وَتَزَوَّدُوا

فَإِنَّ خَيْرَ الرَّادِ التَّقْوَى.

فَقَالَ تَعَالَى فِي كِتَابِ الْعَظِيمِ :

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَئِكَتَهُ يُصَلِّونَ عَلَى الْنَّبِيِّ يَأْيُهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلَوَاتُهُ وَسَلَامُهُ تَسْلِيمًا

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا

إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ

سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَحْيِيدٌ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ إِنَّكَ

عَفُوٌ كَرِيمٌ تُحِبُّ الْعَفْوَ فَاعْفُ عَنَّا وَعَنْ وَالِدِينَا وَعَنْ جَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ

الرَّاحِمِينَ. اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ إِيمَانًا كَامِلًا، وَيَقِنًا صَادِقًا، وَلِسَانًا ذَاكِرًا، وَقَلْبًا خَاسِعًا، وَعَمَالًا صَالِحًا

مُتَقَبَّلًا.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ العَافِيَةَ مِنْ بَلَىٰيَةٍ ، وَنَسْأَلُكَ تَمَامَ الْغَنَىٰ عَنِ النَّاسِ . اللَّهُمَّ حَبِّبْ إِلَيْنَا الإِيمَانَ وَزَيِّنْهُ فِي قُلُوبِنَا ، وَكَرِّهْ إِلَيْنَا الْكُفْرَ وَالْقُسُوقَ وَالْعِصْيَانَ ، وَاجْعَلْنَا مِنَ الرَّاشِدِينَ .

اللَّهُمَّ أَعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ . وَأَذِلَّ الشِّرْكَ وَالْمُشْرِكِينَ ، وَالنِّفَاقَ وَالْمُنَافِقِينَ .

اللَّهُمَّ أَصْلِحْ مَلِكِنَا كَبَاوَهْ دُولِي يَعْ مَهَا مُولِيَا سَرِي ڦُدوُكْ بَكِينِدا يَعْ دُفْرَتَوَانَ أَكْنُوَغْ وَفَحَامَةَ الرَّئِيْسِ الْأَعْلَى تَوَانَ يَعْ تَرَاوِتَامَ يَعْ دُفْرَتَوَا نَكْرِي سَابِهِ وَأَئْمَتَنَا وَوَلَاتَ أُمُورِنَا ، وَاجْعَلْنَا لَوْأِيتَنَا فِيمَنْ حَافَكَ وَاتَّقَاكَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ .

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَرْوَاحِنَا وَدُرِيَاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَقِيْنَ إِمَاماً . رَبَّنَا ظَلَمَنَا أَنْفُسَنَا وَإِنْ لَمْ تَغْفِرْ لَنَا وَتَرْحَمْنَا لِنَكُونَنَّ مِنَ الْخَاسِرِينَ . رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقَنَا عَذَابَ النَّارِ .

عِبَادَ اللَّهِ !

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٦﴾

فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيْمَ يَذْكُرُكُمْ ، وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْ كُمْ ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ .



Disediakan oleh:

BAHAGIAN PENYELIDIKAN DAN INFORMASI
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

“TAQABBALLAHU MINNA WAMINKUM”

SELAMAT MENYAMBUT AIDLFITRI 2022

MAAF ZAHIR DAN BATIN

DARI KAMI SELURUH KAKITANGAN JHEAINS SELURUH SABAH